Oleh MAHFUZ MOHAMAD
Foto ZAKARIA IDRIS

RENCANA UTAMA

PENGAMBILAN pelajar dilakukan sebanyak dua kali sebulan.

PELAJAR dibekalkan dengan peralatan asas untuk dibawa pulang.

MISI penubuhan akademi adalah untuk melahirkan penggiat seni logam halus profesional.

KL Jewellery Academy menawarkan kursus asas cara mereka bentuk dan memproses logam berharga menjadi barangan perhiasan diri.

Kosmo (K2 - RENCANA UTAMA) 7 SEPTEMBER 2015 m/s 22-23

Lahirkan pereka barang kemas serba boleh

MINAT yang mendalam terhadap bidang perniagaan khususnya jual beli aksesori perhiasan wanita iaitu barangan kemas mendorong seorang usahawan, **Nurul Izza Abu Hassan**, 33, untuk mengikuti kursus pertukangan emas awal tahun ini.

Mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan dan rakan-rakan untuk mewujudkan perkhidmatan membaikpulih barangan kemas membuatkan dia tekad mengikuti Kursus Asas Pertukangan Emas dan Perak di KL Jewellery Academy.

"Mempunyai ilmu dalam bidang pertukangan barang kemas adalah satu bonus kepada saya sebagai seorang usahawan barangan perhiasan wanita tersebut kerana jika ada pelanggan yang memerlukan khidmat membaiki aksesori yang rosak, saya boleh terus melakukannya tanpa mengupah tukang emas dari luar.

"Kursus ini bukan saja kepada barangan berasaskan emas, malah ia boleh diaplikasikan kepada logam halus lain seperti perak dan platinum kerana kaedah menghasilkannya tidak banyak beza.

"Walaupun ia merupakan kursus asas, namun pengisiannya sudah cukup bagi saya untuk memberi khidmat membaik pulih barang kemas di samping dapat menghasilkan barang kemas yang ringkas dan mudah dibentuk seperti cincin," katanya yang mempunyai perniagaan menjual emas dalam talian secara sambilan.

MOHD. HASNIZAN

MOHD. FAIZAL

Menyertai kursus ringkas selama tiga hari, ibu kepada tiga orang anak itu mengakui ia cukup berbaloi. Banyak perkara yang dipelajari dari segi praktikal, teori dan tip tertentu untuk menghasilkan barang kemas berkualiti.

Bilangan pelajar yang sedikit iaitu maksimum 10 orang bagi satu-satu sesi memberi kelebihan kepada Nurul Izza dan peserta lain untuk mempelajari ilmu pertukangan secara lebih mendalam.

Ketelitian

Proses pembelajaran di akademi itu merangkumi cara melebur, membentuk, menyambung dan menggilap barang kemas. Ia tidak sukar seperti kursus pertukangan membuat peralatan logam biasa, namun ia memerlukan ketelitian serta kesabaran tinggi bagi menghasilkan sesuatu barang kemas.

"Kami juga dibekalkan dengan sekotak peralatan asas untuk dibawa pulang bersama 30 gram logam perak supaya boleh mempraktikkan kemahiran di rumah.

"Lebih menarik, pelajar boleh datang ke akademi ini selepas tamat kursus untuk mendapatkan khidmat nasihat dan menggunakan mesin secara percuma dalam tempoh tertentu," ujarnya.

Pengasas KL Jewellery Academy, Mohd. Hasnizan Hasin, 55, memberitahu segala-galanya bermula dengan menawarkan latihan persendirian kepada individu yang berminat menceburi bidang logam halus. Bagaimanapun dia mengambil keputusan menubuhkan akademi tersebut berikutan permintaan yang semakin meningkat.

Pusat yang ditubuhkan awal tahun 2015 itu mempunyai misi bagi melahirkan penggiat seni logam halus yang serba boleh.

Menurutnya, kemahiran yang ada pada kebanyakan pereka barang kemas di negara ini tertumpu kepada reka bentuk lakaran barangan tersebut sahaja, manakala kerja-kerja pertukangan menukar bahan mentah menjadi produk akhir dilakukan oleh tukang emas.

"Penubuhan akademi ini bertujuan melahirkan pereka barang kemas yang boleh melakukan kerja-kerja pertukangan emas dan tukang emas yang mampu menghasilkan rekaan-rekaan barang kemas menarik," katanya ketika ditemui di pejabat akademi tersebut di Putrajaya baru-baru ini.

Di samping itu, beliau mahu masyarakat lebih berani menceburi bidang berkaitan emas dan perhiasan mewah meskipun ramai beranggapan perniagaan ini sangat berisiko dan memerlukan modal besar. Pengilbatan rakyat negara ini dalam bidang penghasilan barang kemas berasaskan emas dilihat agak kurang jika dibandingkan dengan kuasa besar seperti Shenzhen, China dan Dubai, Emiriyah Arab Bersatu yang terkenal dengan barangan kemas berkualiti tinggi.

RENCANA UTAMA

CARA melebur emas dengan betul turut diajar dalam kursus tersebut.

BENTUK pelaburan emas yang disarankan adalah dalam bentuk syiling atau jongkong.

Pengilbatan

"Ramai yang takut untuk menceburkan diri dalam pertukangan barang kemas kerana pada persepsi masyarakat ia adalah satu bidang yang tidak mempunyai masa depan cerah serta memerlukan modal yang banyak.

"Mereka tidak perlu khuatir mengenai perkara tersebut kerana bidang ini tidak terhad di dalam negara sahaja sebaliknya peluang terbuka luas di seluruh dunia.

"Kursus ini adalah sebagai permulaan bagi menarik lebih ramai penglibatan rakyat tempatan secara keseluruhannya supaya tidak tertumpu di Pulau Pinang dan Kelantan sahaja di samping mengangkat industri barangan kemas dalam negara setara' dengan Shenzhen dan Dubai," terang bekas penuntut Universiti Teknologi Mara dalam bidang seni logam halus itu.

Sementara itu, **Pengarah Bersama KL Jewellery Academy, Mohd. Faizal Zulkifli**, 30, berkata, terdapat enam modul asas yang terkandung dalam kursus asas sedia ada. Kursus ini direka oleh pihak pengurusan akademi tersebut berdasarkan keperluan semasa pereka serta pembuat barang kemas.

Tempoh masa yang singkat membolehkan pusat berkenaan melakukan pengambilan pelajar sebanyak dua kali sebulan, namun disebabkan tempat yang terhad, setiap pengambilan hanya boleh menampung sebanyak 10 orang pelajar.

Bagaimanapun, pihaknya sudah mempunyai perancangan untuk menaik taraf akademi tersebut kepada status kolej persendirian bagi menampung lebih banyak jumlah pelajar serta mempelbagaikan lagi program yang ditawarkan.

PROSES menghasilkan barang kemas memerlukan ketelitian dan kesabaran yang tinggi.

"Buat masa ini kita hanya ada dua jenis kursus yang ditawarkan iaitu kursus sehari iaitu lebih kepada pengenalan dan demonstrasi pembuatan barang kemas serta Kursus Asas Pertukangan Emas dan Perak selama tiga hari yang bersifat lebih praktikal.

"Pada masa akan datang kami merancang untuk memperbanyakkan lagi jenis latihan seperti program tetap selama enam bulan atau kursus lanjutan daripada latihan sedia ada dan jika mendapat sambutan menggalakkan, akademi ini akan dinaik taraf kepada kolej yang menawarkan lebih banyak kursus seperti rekaan barang kemas, pertukangan, perdagangan dan sebagainya," jelasnya.

Graduan dari Universiti Malaysia Pahang itu berkata, pihaknya sedang dalam proses mencari institusi kemahiran tempatan bagi menjalinkan kerjasama strategik dari pelbagai aspek di samping mendapatkan sokongan daripada pelbagai agensi bagi memantapkan program sedia ada.

"Sebagai langkah strategik pada masa akan datang, kami berhasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan beberapa institusi kemahiran tempatan supaya program yang kami tawarkan di sini dapat dijadikan sebagai salah satu kursus mereka.

"Ia adalah salah satu langkah untuk melahirkan profesional dalam bidang barang kemas bukan sahaja bagi pasaran tempatan malah di peringkat antarabangsa pada masa akan datang sekali gus membantu meningkatkan pendapatan negara dan kursus ini merupakan permulaan ke arah itu," jelasya.

PENAWARAN kursus tersebut merupakan langkah awal dalam menggangkat industri barang kemas tempatan setaraf dengan antarabangsa.